

Rang undang-undang Pas harus dikaji Peguam Negara — PM

UM - 1 JUN 2002

KUALA LUMPUR 31 Mei — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kerajaan Pas Terengganu sepatutnya menyerahkan Rang Undang-undang Jenayah Syariah (Hudud dan Qisas) kepada Jabatan Peguam Negara untuk memastikan kesesuaiannya dengan konsep keadilan dalam Islam.

Menurut Perdana Menteri, rang undang-undang yang mahu dilaksanakan di Terengganu itu juga harus dikaji dari segi kesepadannya dengan undang-undang Persekutuan.

“Sepatutnya dia serahkan rang undang-undang itu kepada Jabatan Peguam Negara supaya dikaji sama ada secocok dengan undang-undang Persekutuan dan secocok dengan konsep keadilan.

“Dalam Islam yang utamanya keadilan (jadi) kalau ia tidak adil, kita tidak boleh buat,” katanya yang juga Menteri Kewangan.

Perdana Menteri bercakap

kepada pemberita selepas mempengerusikan sesi kedua Majlis Dialog Belanjawan 2003 di pejabatnya di sini hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Menteri Besar Terengganu, Datuk Seri Abdul Hadi Awang semalam, yang menyatakan kesediaannya berbincang dengan sesiapa sahaja secara ilmiah termasuk Dr. Mahathir mengenai perkara itu.

Kenyataan itu dikeluarkan selepas pelbagai pihak termasuk sekutu pembangkang Pas, Parti Keadilan Nasional, membantah dan meminta Terengganu kaji semula cadangan tersebut.

Antara lain, mereka menyifatkan rang undang-undang tersebut menzalimi wanita kerana hanya meletakkan beban membuktikan kes rogol ke atas wanita yang menjadi mangsa.

Menurut Perdana Menteri, cadangan memperkenalkan undang-undang tersebut merupakan perkara baru dan

kerajaan tidak pernah menerima soa rang draf mengenai-nya.

“In perkara baru, mereka tidak pernah menyerahkan

kepada kita pun undang-undang itu,” katanya.

Perdana Menteri berkata, Pas bagaimanapun kelihatan tidak mepedulikan langsu-

ng mengenai keadilan yang menjadi keutamaan perundangan Islam dalam pelaksanaan undang-undang seperti itu.